Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Bank dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Bank ialah perbankan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan. Kegiatan utama anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam nota 12 kepada penyata kewangan. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan/Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai	37,606
Cukai	(4,132)
Keuntungan selepas cukai	33,474
Pindahan ke rizab berkanun	(8,368)
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	18,137
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	43,243

Tiada sebarang pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang diberikan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pendapat Para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak mempengaruhi sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting atau luar biasa selain daripada kesan yang timbul daripada perubahan dalam polisi-polisi perakaunan akibat menggunakan piawaian laporan kewangan yang baru dan dipinda ("FRS") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3 dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Para Pengarah tidak menyarankan sebarang pembayaran dividen berhubung dengan tahun kewangan semasa.

HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata kewangan Bank dan Kumpulan dibentangkan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil untuk melupuskan hutang dan elaun dibuat bagi hutang ragu, dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat bagi hutang lapuk dan hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan jumlah yang dilupuskan bagi hutang lapuk, atau jumlah elaun bagi hutang ragu, dalam penyata kewangan Bank dan Kumpulan tidak mencukupi dengan jumlah yang ketara.

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Bank dan Kumpulan dibentangkan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan dalam urusan biasa pada nilai yang dinyatakan dalam rekod perakaunan Bank dan Kumpulan, telah dikurangkan nilai kepada jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Bank dan Kumpulan mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah timbul yang menyebabkan kaedah penilaian yang sedia ada dalam penilaian aset atau liabiliti penyata kewangan Bank dan Kumpulan mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUAR JANKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

(i) sebarang caj ke atas aset Bank dan Kumpulan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan, yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangka berkaitan Bank atau Kumpulan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan selain daripada dalam urus niaga biasa.

Tiada liabiliti luar jangka dan liabiliti lain Bank dan Kumpulan yang telah berkuatkuasa, atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang ada pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Bank dan Kumpulan untuk memenuhi obligasinya jika dan apabila tiba masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan, yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Bank dan Kumpulan, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan yang disatukan mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat Para Pengarah:

(i) keputusan operasi Bank dan Kumpulan bagi tahun kewangan, tidak banyak dipengaruhi oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa, kecuali yang dinyatakan dalam penyata kewangan; dan

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

PERKARA LUAR BIASA (SAMBUNGAN)

(ii) dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang mungkin menpengaruhi keputusan operasi Bank dan Kumpulan bagi tahun kewangan semasa yang dilaporkan.

PARA PENGARAH

Nama Pengarah-pengarah Bank yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:
General (Rtd) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Seth
Datuk Abdul Majid bin Haji Hussein
Dato' Jorgen Bornhoft
Robert Ralph Davis
Wong See Hong
Harold Douglas Naysmith *(Dilantik pada 08.06.2006)*
Diong Chin Teck @ Tiong Chin Sang *(Bersara pada 21.04.2006)*
Lindsey Michael Haman *(Meletak jawatan pada 30.08.2006)*

General (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Seth, yang berumur lebih tujuh puluh tahun, bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah mencadangkan beliau dilantik semula sebagai Pengarah menurut Seksyen 129(6) Akta tersebut.

KEPENTINGAN PENGARAH

Tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun berpandukan daftar pemegang saham yang disimpan oleh Syarikat menurut Seksyen 134, Akta Syarikat 1965 mempunyai kepentingan dalam saham Bank dan Syarikat-syarikat berkaitan.

GANJARAN PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Bank yang telah menerima atau layak untuk menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang telah diterima atau akan diterima oleh Para Pengarah yang dinyatakan dalam nota 23 di penyata kewangan, atau gaji tetap kakitangan Bank sepenuh masa) daripada kontrak yang dibuat oleh Bank atau korporat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah tersebut adalah ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

Pada akhir tahun kewangan, atau pada bila-bila masa dalam tahun yang dilaporkan, tidak terdapat sebarang perjanjian yang melibatkan Bank di mana Para Pengarah mendapat faedah melalui perolehan saham atau debentur Bank atau sebarang badan korporat lain.

SYARIKAT PEGANGAN

Para Pengarah menganggap ABN AMRO Bank N.V. dan ABN AMRa Holding N.V. sebagai syarikat-syarikat induk langsung dan mutlak Bank. Kedua-dua syarikat telah ditubuhkan di Belanda.

RANCANGAN DAN STRATEGI PERNIAGAAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2006

ABN AMRO Bank Berhad telah berjaya membina keteguhan dalam perniagaan Pasaran Kewangan dalam tahun 2006, dengan menunjukkan prestasi yang luar biasa dalam bahagian Pasaran Modal Hutang. Bank sama ada menerajui atau mengurus bersama beberapa urus niaga asal bon utama dalam tahun berkenaan. Ia juga berterusan menawarkan penyelesaian terbitan yang bersesuaian kepada pelanggan-pelanggan utamanya dan memastikan penampilan yang kukuh dalam pasaran terbitan antara bank.

Bank juga memulakan satu pelan perniagaan baru untuk memperluaskan asas pelanggannya dengan menawarkan produk-produk runcit kepada sasaran tertentu dalam pasaran. Kerja-kerja untuk memasang infrastruktur bagi memperkembangkan bidang perniagaan telah pun bermula dalam tahun 2006.

TINJAUAN BAGI TAHUN 2007

Bank di seluruh dunia telah memulakan satu strategi baru, di mana ABN AMRO Bank Berhad Malaysia akan mendapat manfaat daripadanya dengan adanya penekanan baru dalam perkembangan perniagaan di Asia dan tumpuan sasaran kepada pelanggan-pelanggan utama dalam sektor atau industri 'sweet-spot'.

Di Malaysia, Bank berkembang selaras dengan prospek pertumbuhan dalam pelbagai sektor, khususnya dengan permintaan kredit dan terbitan ekuiti, selain daripada pasaran modal hutang yang lebih memberangsangkan.

Kami juga bercadang untuk menambah jumlah cawangan operasi, supaya kami boleh menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami dalam segmen pelanggan khususnya melalui penawaran produk Perbankan Keutamaan Van Gogh.

PENILAIAN TARAFAN OLEH AGENSI-AGENSI LUAR

RAM, Ratings Agency Malaysia Berhad mengiktiraf semula penilaian jangka panjang AA2 dan jangka pendek PI Bank. Penilaian adalah berdasarkan kualiti aset Bank yang kukuh, serta dana yang stabil dan kedudukan modal yang teguh. Kualiti aset Bank yang sihat boleh dilihat melalui berkurangnya pinjaman-pinjaman tanpa prestasi atau NPL (non-performing loan). Bank juga mempromosi aktiviti-aktiviti berasaskan fi bagi mengekalkan dan mempertingkatkan hasil pendapatan. Kedudukan rangkaian global ekstensif serta kedudukan Bank sebagai sebuah subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh ABN AMRO Holding N.V., sebuah institusi perbankan global terkemuka yang mempunyai francais yang kukuh serta operasi yang baik juga dipertimbangkan dalam pengiktirafan taraf tersebut.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga sejajar dengan resolusi Para Pengarah.

ROBERT RALPH DAVIS

HAROLD DOUGLAS NAYSMITH
Kuala Lumpur, Malaysia.
28 Mac 2007

PENYATA PENGARAH

TERTAKLUK KEPADA SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT 1965

PENYATA PENGARAH TERTAKLUK KEPADA SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT 1965

Kami, Robert Ralph Davis dan Harold Douglas Naysmith , sebagai dua orang Pengarah bagi ABN AMRO Bank Berhad, dengan tulus ikhlas mengaku mengikut pendapat Para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 15 to 46 adalah mengikut penyata kewangan telah diberikan dengan lengkap mengikut Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian yang diubahsuai mengikut garis panduan Bank Negara Malaysia untuk memberi pandangan yang benar dan sewajarnya dan saksama bagi aliran tunai Bank dan Kumpulan seperti pada 31 Disember 2006 dan keputusan dan aliran tunai Bank and Kumpulan bagi tahun berakhir.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga sejajar dengan resolusi Para Pengarah.

ROBERT RALPH DAVIS

HAROLD DOUGLAS NAYSMITH
Kuala Lumpur, Malaysia.

AKAUN BERKANUN

TERTAKLUK KEPADA SESYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965

AKAUN BERKANUN TERTAKLUK KEPADA SESYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965

Saya, Harold Douglas Naysmith sebagai Pengarah yang khusus bertanggungjawab terhadap kewangan ABN AMRO BERHAD, dengan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertai dibentangkan dari muka surat 15 hingga 46 adalah pada pengetahuan dan kepercayaan saya betul dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar, mengikut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangan dan diakui dengan tulus ikhlas oleh penama di atas,
HAROLD DOUGLAS NAYSMITH
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
pada 28 Mac 2007

Di hadapan saya,,

PESURUHJAYA SUMPAH
No. W 315
Nama: SOH AH KAU
MALAYSIA

SOH AH KAU, AMP
6 PESURUHJAYA SUMPAH
26, Jalan Beremi
50200 Kuala Lumpur W. P.
Tel: 03-2141 2878

HD Naysmith

HAROLD DOUGLAS NAYSMITH

LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA AHLI ABN AMRO BANK BERHAD

Kami telah mengaudit penyata kewangan disertakan yang dibentangkan pada muka surat 15 hingga 46. Penyediaan penyata kewangan ini adalah tanggungjawab Para Pengarah Bank.

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberi pendapat bebas, berdasarkan audit kami, tentang penyata kewangan dan melaporkan kepada anda, sebagai satu badan, mengikut Sekyen 174, Akta Syarikat. 1965 dan tanpa mempunyai tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

Kami melakukan pengauditan kami mengikut piawaian-piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan untuk mengumpul semua maklumat dan penjelasan, di mana kami merasakan perlu untuk melengkapkan kami dengan bukti untuk memberi jaminan yang wajar bahawa penyata kewangan adalah bebas dari salah nyata yang penting. Pengauditan merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti penilaian terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah berserta dengan penilaian yang menyeluruh terhadap kecukupan maklumat yang dibentangkan di dalam penyata kewangan. Kami percaya pengauditan kami memberi asas yang wajar terhadap pendapat kami.

Pada pendapat kami:

(a) penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965, dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian yang diubahsuai mengikut garis panduan Bank Negara Malaysia untuk memberikan pandangan yang sebenar dan saksama bagi:

   (i) kedudukan kewangan Bank dan Kumpulan pada 31 Disember 2006 dan keputusan serta aliran tunai Bank dan Kumpulan bagi tahun berakhir tersebut: dan

   (ii) perkara yang dikehendaki di bawah Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambilkira dalam penyata kewangan dan

(b) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod, termasuk daftar-daftar, yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 supaya disimpan oleh Bank dan anak-anak syarikatnya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan, dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan anak-anak syarikat tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang kenyataan yang perlu dibuat mengikut Seksyen 174 (3) di bawah Akta Seksyen Syarikat 1965.

ERNST & YOUNG
(AF: 0039)
Akauntan Bertauliah

Yap Seng Chong
(No. 2190/12/07(J))
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
28 Mac 2007

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2006

	Nota	KUMPULAN 2006 RM'000	KUMPULAN 2005 RM'000	BANK 2006 RM'000	BANK 2005 RM'000
ASET					
Wang tunai dan dana jangka pendek	3	1,490,189	1,616,261	1,490,189	1,616,261
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan	4	362,252	286,871	362,252	286,871
Pembelian sekuriti di bawah penjanjian penjualan semula	5	-	26,683	-	26,683
Sekuriti dipegang untuk dagangan	6	789,454	359,338	789,454	359,338
Sekuriti sedia untuk dijual	7	640,033	1,087,125	640,033	1,087,125
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	8	430,400	443,176	430,400	443,176
Aset lain	9	607,047	196,380	607,047	196,380
Cukai aset tundaan	10	14,292	11,611	14,292	11,611
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	11	29,051	49,851	29,051	49,851
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	12	-	-	20	20
Harta, loji dan peralatan	13	3,554	5,584	3,554	5,584
JUMLAH ASET		4,366,272	4,082,880	4,366,292	4,082,900
LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM					
Deposit daripada pelanggan	14	1,339,150	1,730,574	1,339,170	1,730,594
Deposit dan simpanan oleh bank dan institusi kewangan lain	15	1,709,772	1,627,515	1,709,772	1,627,515
Pelbagai liabiliti	16	873,596	316,723	873,596	316,723
JUMLAH LIABILITI		3,922,518	3,674,812	3,922,538	3,674,832
Modal saham	17	203,000	203,000	203,000	203,000
Rizab	18	240,754	205,068	240,754	205,068
DANA PEMEGANG SAHAM		443,754	408,068	443,754	408,068
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM		4,366,272	4,082,880	4,366,292	4,082,900
KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKAAN	31	68,144,624	42,472,856	68,144,624	42,472,856

Nota pengiring merupakan bahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	Nota	KUMPULAN/BANK 2006 RM'000	2005 RM'000
Pendapatan	19	270,414	217,032
Pendapatan faedah	20	173,972	145,129
Perbelanjaan faedah	21	(134,481)	(100,267)
Pendapatan operasi lain	22	96,442	71,903
Perbelanjaan operasi lain	23	(95,128)	(63,372)
Elaun untuk kerugian ke atas pinjaman dan pembiayaan	24	(3,199)	1,309
Keuntungan sebelum cukai		37,606	54,702
Cukai	27	(4,132)	(11,336)
Keuntungan selepas cukai		33,474	43,366
Pendapatan sesaham (sen)	28	16	21

Nota pengiring merupakan bahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Kumpulan dan Bank				Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan	
	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab tidak tercapai RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2005							
- Seperti dilaporkan terdahulu		203,000	76,182	88,768	-	16,695	384,645
- Pelarasan tahun terdahulu		-	-	-	5,179	(6,065)	(886)
Seperti dilaporkan		203,000	76,182	88,768	5,179	10,630	383,759
Untung untuk tahun berkenaan		-	-	-	-	43,366	43,366
Untung bersih tidak tercapai ke atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dagangan		-	-	-	(4,881)	-	(4,881)
Dividen	29	-	-	-	-	(14,176)	(14,176)
Pindahan ke rizab		-	-	21,683	-	(21,683)	-
Pada 31 Disember 2005		203,000	76,182	110,451	298	18,137	408,068
Pada 1 Januari 2006		203,000	76,182	110,451	298	18,137	408,068
Untung untuk tahun berkenaan		-	-	-	-	33,474	33,474
Untung bersih tidak tercapai ke atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dagangan		-	-	-	2,212	-	2,212
Pindahan ke rizab		-	-	8,368	-	(8,368)	-
Pada 31 Disember 2006		203,000	76,182	118,819	2,510	43,243	443,754

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	Nota	KUMPULAN/BANK 2006 RM'000	2005 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI			
Keuntungan sebelum cukai		37,606	54,702
Diselaraskan untuk:			
Susut nilai harta, loji dan peralatan		1,991	1,490
Kerugian/(keuntungan) ke atas jualan harta, loji dan peralatan		29	(165)
Kerugian pinjaman dan dikira semula		3,199	(1,309)
Kira semula untuk pengurangan nilai saham		(575)	(513)
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam aset semasa		42,250	54,205
(Peningkatan)/pengurangan dalam sekuriti dipegang-untuk-dagangan		(430,116)	17,838
Pengurangan/(Peningkatan) dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		9,577	(14,789)
Pengurangan dalam pembelian sekuriti di bawah perjanjian penjualan semula		26,683	24,083
Peningkatan dalam lain-lain aset		(399,146)	(26,372)
Pengurangan/(Peningkatan) dalam deposit berkanun Bank Negara Malaysia		20,800	(3,532)
Pengurangan dalam deposit daripada pelanggan		(391,424)	(264,982)
Peningkatan dalam deposit dan simpanan dalam bank dan institusi kewangan lain		82,257	929,845
Peningkatan dalam liabiliti lain		556,873	44,592
Tunai (digunakan dalam)/ dihasilkan daripada kegiatan operasi		(482,246)	760,888
Pembayaran cukai pendapatan		(18,333)	(15,793)
Pembayaran dividen		-	(14,176)
TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN DALAM)/ DIHASILKAN DARIPADA KEGIATAN OPERASI		(500,579)	730,919
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN			
Pembelian harta, loji dan peralatan		(398)	(3,697)
Peningkatan dalam sekuriti sedia untuk dijual		449,879	(78,740)
Hasil daripada jualan harta, loji dan peralatan		407	165
TUNAI BERSIH DIHASILKAN DARIPADA/ (DIGUNAKAN DALAM) KEGIATAN PELABURAN		449,888	(82,272)
(PENGURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		(50,691)	648,647
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI		1,903,132	1,254,485
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER	25	1,852,441	1,903,132

Nota pengiring merupakan bahagian penting penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2006

1. INFORMASI KORPORAT

Bank merupakan sebuah syarikat liabiliti terhad, bergabung dan bermastautin di Malaysia. Alamat untuk pejabat berdaftar adalah Tingkat 1, Menara Maxis, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia.

Syarikat induk langsung dan mutlak Bank ialah ABN AMRO Bank N.V. dan ABN AMRO Holding N.V.; kedua-dua syarikat tersebut telah ditubuhkan di Belanda.

Kegiatan utama Bank ialah perkhidmatan perbankan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan. Kegiatan utama anak-anak syarikat adalah sebagai nomini, pemegang saham dan agen bagi pihak Bank. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diberi kuasa untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah mengikut resolusi Pengarah pada 28 Mac 2007.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian yang diubahsuai mengukit garis panduan Bank Negera Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Bank telah menggunapakai Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - "FRSs") yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2006 seperti yang dinyatakan sepenuhnya di Nota 2.3.

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kebiasaan kos kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang ketara.

Penyata kewangan telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai telah digenapkan kepada ribu terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan Yang Penting

(a) Subsidiari-subsidiari dan Asas Penyatuan

(i) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti di mana Bank berupaya untuk mengawal dasar-dasar operasi dan kewangan bagi mengaut keuntungan daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Kesan sedia ada daripada potensi hak mengundi yang dijalankan pada masa kini atau bolehubah adalah dikira apabila menilai sama ada Kumpulan mempunyai kuasa ke atas entiti yang lain.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan Yang Penting (Sambungan)

(a) Subsidiari-subsidiari dan Asas Penyatuan (Sambungan)

(i) Subsidiari-subsidiari (Sambungan)

Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan subsidiari-subsidiari dinyata pada kos ditolak hilang susut nilai. Dengan penghapusan pelaburan tersebut, berbezaan antara hasil penghapusan bersih dan jumlah yang mereka miliki adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian.

(ii) Asas Penyatuan

Penyatuan penyata kewangan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya pada tarikh lembaran imbangan. Penyata kewangan bagi subsidiari-subsidiari disediakan untuk tarikh laporan yang sama seperti Syarikat.

Subsidiari-subsidiari disatukan dari tarikh perolehan, tarikh di mana Bank beroleh kawalan, dan terus bersatu sehingga tarikh yang mengawalnya tamat. Dalam menyediakan penyatuan penyata kewangan, baki antara kumpulan, urus niaga dan keuntungan yang tidak dikenalpasti atau kerugian dihapuskan sepenuhnya. Dasar-dasar perakaunan yang seragam diguna pakai dalam penyatuan penyata kewangan untuk urus niaga dan peristiwa-peristiwa dalam keadaan yang serupa.

Perolehan subsidiari-subsidiari adalah dikira untuk kegunaan kaedah pembelian. Kaedah pembelian perakaunan melibatkan pembahagian kos perolehan kepada nilai wajar aset yang diperoleh dan liabiliti-liabiliti dan liabiliti-liabiliti gantungan yang dijangkakan pada tarikh perolehan. Kos perolehan dikira sebagai agregat nilai wajar, pada tarikh pertukaran, bagi set yang diberi, liabiliti-liabiliti yang diperoleh atau dijangka, dan instrumen ekuiti yang dikeluarkan, serta mana-mana kos yang menyumbang terus kepada perolehan.

Sebarang lebihan kos perolehan ke atas faedah Bank dalam nilai wajar bersih bagi aset yang dikenalpasti, liabiliti-liabiliti dan liabiliti-liabiliti gantungan mewakili muhibbah. Sebarang lebihan ke atas faedah Bank dalam nilai wajar bersih bagi aset yang dikenalpasti, liabiliti-liabiliti dan liabiliti-liabiliti gantungan ke atas kos perolehan diiktiraf serta-merta di dalam keuntungan atau kerugian.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(b) Pengiktirafan Hasil

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan manfaat-manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir ke dalam syarikat dan jumlah hasil boleh diukur secara pasti.

(i) Pendapatan faedah
Pendapatan faedah adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan untuk semua aset yang mempunyai faedah atas dasar terakru. Pendapatan faedah termasuklah perlunasan premium atau akreasi diskaun. Pendapatan faedah ke atas sekuriti adalah diiktiraf atas dasar perkembangan yang berkesan.

Pendapatan faedah ke atas pinjaman adalah dikira atas dasar terakru dengan merujuk kepada tempoh rehat seperti yang termaktub dalam perjanjian pinjaman, iaitu sama ada bulanan atau harian.

Akaun-akaun pelanggan adalah dikelasifikasikan sebagai lapuk di mana pembayaran semula adalah tertunggak selama tiga (3) bulan dan satu (1) bulan selepas tarikh matang untuk bil-bil dagangan, penerimaan bank dan resit-resit amanah.

Faedah terakru dan diiktiraf sebagai pendapatan terdahulu dari tarikh akaun dikira sebagai lapuk akan diterbalik keluar daripada penyata pendapatan dan faedah terakru dikeluarkan daripada lembaran imbangan. Berikutnya, faedah yang diperoleh ke atas akaun lapuk akan diiktiraf sebagai pendapatan berasaskan tunai.

(ii) Pendapatan Yuran
Urusan pinjaman, komisen dan caj/yuran perkhidmatan diiktiraf sebagai pendapatan apabila semua keadaan kebiasaan dipenuhi.

Yuran komitmen dan yuran jaminan yang ketara diiktiraf sebagai pendapatan pembahagian masa.

Dividen daripada sekuriti dipegang untuk dagangan dan sekuriti sedia untuk dijual diiktiraf apabila dicadangkan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(c) Elaun untuk kerugian pinjaman, wang pendahuluan dan pembiayaan

Elaun khusus dibuat untuk hutang ragu yang telah disemak secara satu persatu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang lapuk, ragu atau kurang mutu.

Elaun am berdasarkan peratus portfolio pinjaman Bank juga dibuat untuk melindungi kemungkinan berlakunya kerugian yang tidak dikenalpasti.

Pinjaman yang tidak dikutip atau bahagian pinjaman yang dikelasifikasikan sebagai lapuk dihapuskan selepas mengambil kira nilai tunai cagaran, jika ada, apabila pada pendapat pengurusan, menunjukkkan tiada prospek pemulihan.

(d) Perjanjian Pembelian Semula

Sekuriti yang dibeli di bawah penjanjian pembelian semula adalah sekuriti yang telah dibeli oleh Kumpulan dengan komitmen untuk menjualkannya semula di masa hadapan. Komitmen untuk menjual semula sekuriti adalah ditunjukkan sebagai aset dalam lembaran imbangan.

Dengan kata lain, obligasi ke atas sekuriti yang dijual di bawah penjanjian pembelian semula adalah sekuriti yang telah dijual oleh Kumpulan dan Bank daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli semula di masa hadapan. Urus niaga kewangan sedemikian dan obligasi dengan pembelian semula sekuriti adalah ditunjukkan sebagai liabiliti pada lembaran imbangan.

(e) Sekuriti

Pegangan portfolio sekuriti Kumpulan dan Bank diasingkan berdasarkan kaedah penilaian dan kategori berikut:

(i) Sekuriti dipegang untuk dagangan
Sekuriti dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia diperoleh dan dipegang secara prinsipal dengan tujuan untuk dijual semula dalam tempoh terdekat. Sekuriti dipegang untuk dagangan akan dinyatakan pada nilai wajar dan sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai wajar dan penyahiktiraf sekuriti dipegang untuk dagangan adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(e) Sekuriti (Sambungan)

(ii) Sekuriti dipegang hingga matang

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset kewangan dengan pembayaran tetap atau ditentukan dan kematangan tetap yang Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat positif untuk memegang sehingga matang. Sekuriti dipegang hingga matang adalah diukur pada kos perlunasan/akresi berdasarkan kaedah perkembangan berkesan. Perlunasan premium, akresi diskaun dan penyusutan serta keuntungan atau kerugian hasil daripada penyahiktirafan sekuriti dipegang hingga matang adalah diktiraf dalam penyata pendapatan.

(iii) Sekuriti sedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang tidak dikelasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan atau dipegang hingga matang. Sekuriti sedia untuk dijual adalah diukur pada nilai wajar atau pada kos (ditolak hilang susut nilai) jika nilai wajar tidak boleh dikira dengan pasti. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai wajar adalah diiktiraf terus dalam ekuiti melalui penyata perubahan dalam ekuiti, sehingga aset kewangan dijual, dikutip, dilupus atau susut, di mana pada masa keuntungan atau kerugian terkumpul terdahulu diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan kepada penyata pendapatan.

Sekuriti-sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon-bon Cagamas, lain-lain Sekuriti Kerajaan dan sekuriti hutang swasta yang dijamin oleh swasta atau bank dipegang untuk pelaburan adalah dinyatakan pada kos yang diubahsuai untuk perlunasan premium atau akresi diskuan, di mana ia boleh digunapakai hingga tarikh matang. Lain-lain sekuriti hutang swasta yang tidak dijamin adalah dinyatakan pada kos yang lebih rendah dan nilai pasaran ditentukan berdasarkan portfolio. Penerimaan Bank adalah dinyatakan pada nilai muka ditolak diskaun yang tidak diperoleh. Lain-lain sekuriti pelaburan adalah dinyatakan pada kos ditolak elaun untuk sebarang penyusutan nilai.

Sekuriti ekuiti tidak disebut harga dipegang sebagai pelaburan jangka panjang dan dinyatakan pada kos dan peruntukan dibuat bagi sebarang penyusutan nilai yang kekal.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(f) Harta, Loji dan Peralatan, dan Susut Nilai

Semua hartanah, loji dan peralatan dicatatkan pada nilai kos pada catatan pertamanya. Kos yang berlaku berikutnya akan termasuk dalam nilai aset dibawa atau diiktiraf sebagai aset berasingan, jika sesuai, sekiranya terdapat keyakinan bahawa faedah berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan tersebut akan mangalir ke dalam Kumpulan dan Bank dan nilainya dapat diukur dengan sah. Nilai bawaan oleh bahagian yang diganti adalah dinyahiktirafkan. Semua perbelanjaan pembaikan dan pemeliharaan adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan pada tahun ianya berlaku.

Berikutan daripada catatan pertama, nilai hartanah, loji dan peralatan dicatatkan pada nilai kos ditolak dengan susutnilai terkumpul dan peruntukan rosot nilai hartanah, loji dan peralatan dengan pengecualian ke atas tanah pegangan bebas dan bangunan yang tidak susut nilai. Bangunan di atas tanah pegangan bebas yang tidak susut nilai adalah tidak selaras dengan FRS 104 - Perakaunan Susut Nilai, tetapi kesan daripada ketidak selarasan ini adalah tidak ketara. Susut nilai harta, loji dan peralatan dikira untuk menolak kos bagi setiap aset kepada nilai saki bakinya berasaskan kaedah garisan lurus, berpandukan hayat berguna aset tersebut. Dasar-dasar untuk pengiktirafan dan pengiraan kemerosotan nilai adalah mengikut Nota 2(g).

Kadar tahunan susut nilai utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan mesin	20%
Perabot, lekapan dan kelengkapan	10% - 20%
Peralatan komputer dan perisian	20% - 33 1/3%

Setelah pelupusan perkara dalam harta, loji atau peralatan, perbezaan di antara penerimaan hapus kira bersih dan amaun penyimpanan bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Baki nilai, jangka hayat dan kaedah susutnilai dikaji semula pada setiap tahun kewangan berakhir bagi memastikan jumlah, kaedah dan jangkamasa susutnilai adalah konsisten dengan anggaran sebelumnya dan jangkaan penggunaan faedah ekonomi ke atas hartanah, loji dan peralatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(g) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan dan Bank mengkaji semula nilai dibawa bagi aset selain daripada pelaburan hartanah dan aset cukai tertunda, untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai diperolehi dengan membandingkan nilai dibawa dengan nilai yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai yang ditafsirkan menggunakan anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai yang boleh diperolehi akan ditentukan bagi setiap aset atau sekiranya tidak dapat, akan ditentukan melalui unit janaan tunai yang dimiliki oleh aset tersebut.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya berlaku.

Pembalikan rosot nilai aset yang telah diiktiraf pada tahun lepas akan direkodkan sekiranya terdapat petunjuk bahawa rosot nilai yang telah diiktiraf pada tahun lepas tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Pembalikan nilai tersebut akan direkodkan sehingga amaun sebenar aset yang akan ditentukan (setelah ditolak susutnilai dan pelunasan nilai) sekiranya tiada kerugian susutnilai yang pernah direkodkan. Pembalikan nilai akan direkodkan terus di dalam penyata pendapatan.

(h) Peruntukan untuk Liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai tanggungan semasa hasil daripada peristiwa lampau dan ini memungkinkan aliran keluar sumber-sumber yang merangkumi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan bagi menjelaskan tanggungan, dan anggaran jumlah boleh dibuat. Peruntukan ditinjau semula pada setiap tarikh penyataan kewangan dan diubahsuai untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan masa nilai wang adalah kebendaan, peruntukan dipotong menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang ditunjukkan, jika berkenaan, risiko tertentu kepada liabiliti. Apabila potongan digunakan, peningkatan kepada peruntukan akibat daripada tempoh masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(h) Peruntukan Untuk Liabiliti (Sambungan)

Peruntukan untuk kos penstrukturan semula adalah diiktiraf dalam tempoh di mana Kumpulan menjadi sah atau komited untuk membayar.

(i) Kontrak Tukaran Hadapan

Kontrak tukaran hadapan yang belum matang dinilai mengikut kadar hadapan pada tarikh lembaran imbangan masing-masing dan kerugian dan keuntungan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun tersebut.

(j) Pertukaran Kadar Faedah, Dagangan Hadapan, Kontrak Pembelian Ke Hadapan dan Opsyen

Bank bertindak sebagai perantara bagi pihak-pihak yang ingin bertukar tanggungan kadar faedah mereka. Bank juga menggunakan pertukaran kadar faedah, dagangan hadapan, kontrak pembelian kehadapan dan opsyen di dalam keseluruhan pengurusan risiko kadar faedah.

Faedah pendapatan atau faedah perbelanjaan yang berkaitan dengan pertukaran kadar faedah, iaitu yang berkelayakan sebagai lindung nilai, dikenalpasti sepanjang perjanjian pertukaran sebagai komponen faedah pendapatan atau faedah perbelanjaan. Untung dan rugi atas kadar faedah hadapan, dagangan hadapan, kontrak pembelian kehadapan dan opsyen yang berkelayakan sebagai lindung nilai biasanya ditangguh dan dilunaskan sepanjang usia aset yang dilindung nilai atau liabiliti sebagai pembetulan kepada faedah pendapatan atau faedah perbelanjaan.

Untung dan rugi atas pertukaran kadar faedah, dagangan hadapan, kontrak pembelian kehadapan dan opsyen yang tidak berkelayakan sebagai lindung nilai dikenal di dalam tahun tersebut dengan menggunakan kaedah nilai sasaran dan dimasukkan di dalam keputusan bersih sekuriti dagangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(k) Mata wang asing

(i) Fungsi dan Perbentangan Mata Wang
Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan dan bank dikira menggunakan mata wang bagi keadaan ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("mata wang berfungsi"). Penyatuan penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang berfungsi Syarikat.

(ii) Urus Niaga Mata Wang Asing
Setiap aset dan liabiliti mata wang asing dilaporkan dalam Ringgit Malaysia dalam lembaran imbangan pada kadar tukaran yang hampir sama dengan kadar pada tarikh lembaran imbangan. Perkara-perkara penyata pendapatan ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh urus niaga. Keuntungan dan kerugian daripada tukaran diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun tersebut.

Kadar pertukaran mata wang asing utama yang digunakan dalam urus niaga Bank dan Kumpulan adalah seperti berikut:

	2006	2005
Dolar Amerika Syarikat	3.5275	3.7795
Pound England	6.9190	6.5272
Euro	4.6430	4.4821
Dolar Singapura	2.3005	2.2731
Yen Jepun	0.0297	0.0322

(l) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian untuk tahun berkenaan adalah terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa merupakan jumlah cukai pendapatan berbayar yang dijangkakan ke atas keuntungan bercukai untuk tahun berkenaan dan dikira melalui kadar cukai yang telah digubal pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diberi kepada, menggunakan kaedah liabiliti, perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara cukai asas ke atas aset dan liabiliti dan jumlah penyimpanan dalam penyata kewangan. Secara prinsipal, liabiliti cukai tertunda adalah diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang dikenakan cukai dan aset cukai tertunda adalah diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh kurang, kehilangan cukai yang belum dipakai dan kredit cukai yang belum dipakai boleh digunakan. Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara terbit daripada muhibah atau muhibah

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(l) Cukai Pendapatan (Sambungan)

negatif atau daripada pengiktirafan awal atas aset atau liabiliti dalam urus niaga di mana ianya bukan gabungan perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak memberi kesan sama ada kepada untung perakaunan mahupun untung dikenakan cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunapakai pada tempoh di mana aset dicapai atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia terbit daripada urus niaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti, atau apabila ia terbit daripada gabungan perniagaan iaitu pengambilalihan, di mana cukai tertunda ini termasuk, menyebabkan muhibah atau muhibah negatif.

(m) Faedah Pekerja

(i) Faedah jangka pendek
Upah, gaji, bonus dan sumbangan sekuriti sosial adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan tahunan di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul bagi jangkamasa pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang mana kelayakan mereka meningkat bagi pampasan ketidakhadiran masa depan, dan pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangkamasa pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman wajib
Pelan caruman wajib merupakan pelan manfaat persaraan di mana Kumpulan membuat caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi mengarah atau undang-undang untuk membuat caruman lanjut jika mana-mana dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar manfaat tersebut kepada semua kakitangan berhubung dengan perkhidmatan mereka pada tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian yang berlaku. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia melakukan caruman tersebut kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(n) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan dalam penyata aliran tunai meliputi wang tunai dan dana jangka pendek, deposit dan simpanan dengan institusi kewangan yang tinggi kecairannya tersedia untuk ditukar ke sesuatu jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak begitu penting.

(o) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah dikenalpasti pada penyata kewangan apabila Bank telah menjadi pihak kepada pembiayaan instrumen berkontrak. Instrumen kewangan adalah dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti selaras dengan perkara dalam perjanjian berkontrak.

(i) Instrumen ekuiti
Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen bagi saham biasa adalah dikenalpasti dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan.

(ii) Instrumen kewangan lain
Polisi perakaunan untuk instrumen kewangan selain daripada instrumen ekuiti adalah ditunjukkan dalam polisi individu yang berkaitan dengan perkara masing-masing.

(p) Terbitan

Terbitan adalah instrumen kewangan, kontrak atau jumlah nosional yang tidak dimasukkan dalam penyata kewangan mungkin disebabkan hak atau obligasi timbul hasil daripada satu dan kontrak yang sama, prestasi yang sewajarnya selepas tarikh lembaran imbangan, atau disebabkan jumlah nosional berubah untuk tujuan pengiraan. Contoh terbitan ialah seperti kontrak tukaran hadapan, opsyen, tukaran, perjanjian kadar hadapan dan masa depan. Nilai dasar mungkin melibatkan kadar faedah, mata wang, komoditi, bon atau produk ekuiti atau kombinasinya.

Semua kontrak mata wang asing dan tukaran kadar faedah diambilkira sebagai lindung nilai terhadap kedudukan terbuka yang dihasilkan oleh urus niaga pelanggan telah ditunjukkan sebagai luar jangkaan.

Urus niaga ini diukur pada nilai wajar dan adalah dikira sebagai aset apabila nilai wajar adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai wajar adalah negatif.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Kumpulan yang Penting (Sambungan)

(p) Terbitan (Sambungan)

Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai wajar instrumen terbitan adalah diktiraf dalam penyata pendapatan kecuali ia merupakan sebahagian daripada hubungan lindungan yang layak untuk melindungi perakaunan di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf seperti berikut:

(i) Lindungan nilai wajar
Di mana instrumen kewangan terbitan melindungi perubahan dalam nilai wajar ke atas aset atau liabiliti yang diiktiraf, sebarang keuntungan atau kerugian ke atas lindungan instrumen adalah diiktiraf dalam pendapatan. Perkara lindungan juga dinyatakan pada nilai wajar selaras dengan risiko lindungan, dengan sebarang keuntungan atau kerugian telah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Lindungan aliran tunai
Keuntungan dan kerugian ke atas instrumen lindungan, sehingga kepada tahap bahawa lindungan adalah berkesan, adalah ditunda dalam komponen ekuiti yang berasingan. Bahagian sebarang keuntungan atau kerugian yang tidak berkesan adalah diiktiraf dalam penyata kewangan. Keuntungan dan kerugian tertunda kemudiannya akan dikeluarkan kepada penyata pendapatan dalam tempoh apabila perkara-perkara terlindung memberi kesan kepada penyata pendapatan.

2.3 Perubahan dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Kesan yang Timbul daripada Menggunakan FRS yang Baru dan Dipinda

Dasar-dasar perakaunan penting dan kaedah pengiraan yang digunakan adalah selaras dengan yang diguna pakai dalam kebanyakan penyata kewangan tahunan yang diaudit baru-baru ini untuk tahun berakhir 31 Disember 2005 kecuali menggunapakai FRSs yang baru dan telah dipinda yang dikeluarkan oleh MASB yang berkuatkuasa bagi laporan tahunan FRS Kumpulan yang pertama bertarikh, 31 Disember 2006:

FRS 2	Pembayaran Berdasarkan Saham
FRS 3	Penyatuan Perniagaan
FRS 5	Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual dan Operasi yang Diberhentikan
FRS 101	Persembahan Penyata Kewangan

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Perubahan dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Kesan yang Timbul daripada Menggunakan FRS yang Baru dan Dipinda (Sambungan)

FRS 102	Inventori
FRS 108	Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan
FRS 110	Peristiwa selepas Tarikh Lembaran Imbangan
FRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan
FRS 121	Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Matawang
FRS 127	Penggabungan dan Pengasingan Penyata Kewangan
FRS 128	Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu
FRS 131	Kepentingan di dalam Syarikat Usahasama
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Persembahan
FRS 133	Perolehan setiap saham
FRS 136	Penyusutan Aset
FRS 138	Aset Tidak Zahir
FRS 140	Pelaburan Hartanah

Adaptasi FRS 2, 3, 5, 101, 102, 108, 110, 116, 121, 127, 128, 131, 132, 133, 136, 138 dan 140 tidak memberi kesan yang signifikan ke atas polisi perakaunan dan kesan kewangan Kumpulan dan Bank.

2.4 Pertimbangan dan Anggaran Perakaunan Penting

Penyediaan penyata kewangan melibatkan anggaran dan anggapan tertentu dibuat berhubung dengan pertimbangan masa depan. Ia melihatkan dasar-dasar perakaunan yang digunakan, jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilapor dan dibentangkan. Ia dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman dan faktor-faktor yang berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang dipercayai sewajarnya di bawah situasi berkenaan. Perubahan dalam anggaran dan anggapan oleh pengurusan ini mungkin mempengaruhi imbangan seperti yang dilaporkan dalam penyata kewangan.

(i) Cukai pendapatan
Aset cukai tertunda diiktiraf pada peruntukan untuk pelbagai kos dan diukur dan diakui berdasarkan kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh tersebut apabila aset dikenalpasti. Anggaran dibuat mengikut jumlah keuntungan yang dikena cukai dalam tempoh tersebut di mana ia membolehkan aset cukai tertunda dikenalpasti.

3. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Wang tunai dan baki dalam bank dan institusi kewangan lain	24,272	21,387
Wang dalam simpanan panggilan dan deposit yang matang dalam satu bulan	1,465,917	1,594,874
	1,490,189	1,616,261

4. DEPOSIT DAN SIMPANAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Bank berlesen	109,752	66,871
Bank Negara Malaysia	252,500	220,000
	362,252	286,871

5. PEMBELIAN SEKURITI DI BAWAH PENJANJIAN DAN PENJUALAN SEMULA

Pembelian sekuriti di bawah penjanjian dan penjualan semula adalah seperti berikut:

	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Repo Balikan	-	26,683

6. SEKURITI DIPEGANG UNTUK DAGANGAN

	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Nilai wajar		
Instrumen pasaran wang:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	102,752	5,004
Isu-isu Pelaburan Kerajaan	246,706	-
Khazanah	3,010	-
Cagamas	81,258	29,946
Sekuriti hutang persendirian	355,728	324,388
Jumlah sekuriti dipegang untuk dagangan	789,454	359,338

7. SEKURITI SEDIA UNTUK DIJUAL

	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Nilai wajar		
Sekuriti disebut harga:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	90,336	562,939

7. SEKURITI SEDIA UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)

	Kumpulan/Bank 2006 RM'000	2005 RM'000
Bon Khazanah	-	9,934
Penerimaan Bank	-	84,882
Bon Prasarana	-	49,935
Isu-isu Pelaburan Kerajaan	157,752	66,716
Alatan simpanan boleh runding	238,991	311,000
Sekuriti hutang persendirian	151,235	-
